

LAMPIRAN SYARAT

- a) Iklan / Papan Iklan tersebut hendaklah dibuat seperti yang dibenarkan dengan mengambil perhatian tulisan jawi yang dibenarkan. Tulisan jawi mestilah berukuran dua kali ganda dan lebih besar ketebalannya daripada tulisan rumi melayu dan kedudukannya hendaklah diletakkan pada bahagian atas sekali pada iklan / Papan tersebut.
- b) Pemasangan Iklan / Papan Iklan hendaklah mengikut seperti dalam pelan-pelan yang dibenarkan.
- c) **Bilangan rujukan surat kebenaran dan rujukan permohonan OneBiz dan tarikh tempoh pemasangan** mestilah dibuat dan diletakkan pada bahagian bawah sebelah kanan Iklan / Papan Iklan serta mudah dilihat.
- d) Pihak syarikat adalah dipertanggungjawabkan ke atas Iklan / Papan Iklan tersebut.
- e) **Setelah tamat tempoh pemasangan Iklan / Papan Iklan hendaklah diturunkan / dibuka termasuk struktur Iklan / Papan Iklan tersebut pada tarikh yang ditetapkan.** Seterusnya mengosongkan dan membersihkan tapak berkenaan.
- f) Pemasangan lampu pada Iklan / Papan Iklan mestilah mendapat kebenaran dan pengesahaan Pengarah Perkhidmatan Elektrik.
- g) Perkataan-perkataan, maklumat dan kandungan yang dipaparkan pada apa-apa iklan, papan iklan animasi, tanda belon, tanda arah, papan tanda atau tanda langit yang telah dibenarkan tidak boleh diubah tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa.
- h) Pihak syarikat hendaklah memastikan papan iklan animasi, tanda belon, tanda arah, papan tanda atau tanda langit yang dibenarkan diselenggarakan.
- i) Pihak syarikat yang memasang iklan/ papan iklan/ papantanda yang tidak mengikut seperti yang dibenarkan dikehendaki menurunkan iklan/ papan iklan/ papantanda tersebut dengan serta merta.
- j) **"Permit to Dig"** hendaklah dipohonkan ke Jabatan Kerja Raya, Bandar Seri Begawan (Unit Jalan Raya) sekiranya melibatkan kerja-kerja pengorekan di kawasan Simpanan Jalan ('road reserve').
- k) Pemasangan di kawasan yang boleh membahayakan pengguna-pengguna jalan raya dan juga boleh menghalang penglihatan pengguna-pengguna jalan raya yang hendak keluar/ masuk dari persimpangan yang berdekatan adalah tidak dibenarkan.
- l) Struktur asas (foundation) dan rangka billboard/kain rentang berkenaan hendaklah direka dan disahkan oleh Qualified Persons (QP) – Jurutera Profesional C & S yang diiktiraf oleh BAPEQS, Kementerian Pembangunan. Jika berlaku sebarang kegagalan pada struktur asas dan rangka billboard/kain rentang maka ia adalah dibawah tanggungjawab pihak pemohon.
- m) Pihak syarikat adalah bertanggungjawab sepenuhnya jika terjadinya kemalangan ke atas orang ramai dan harta benda kerajaan yang rosak disebabkan oleh kegagalan fungsi struktur, aliran arus elektrik dan yang berkaitan dengan papan tanda tersebut.
- n) Pihak syarikat adalah bertanggungjawab sepenuhnya atas segala perbelanjaan untuk membuka dan pemasangan semula di tempat lain jika kawasan tersebut terlibat dengan cadangan projek pembesaran jalan raya atau jika Pihak Berkuasa menghendakinya untuk di buka.
- o) Pihak Berkuasa berhak untuk mengarahkan pemohon supaya membuka papan tanda jika didapati pemasangan telah dibuat sebelum permohonan diluluskan atau menerima aduan dari orang ramai akan ketidak sesuaiannya dengan menggunakan perbelanjaan pihak syarikat dan semua kerja-kerja ke atasnya.
- p) Pihak syarikat adalah bertanggungjawab bagi pemasangan pemeliharaan dan membuka papan tanda iklan termasuk kebersihan tapak, tempat pemasangan dan keteguhan rangka papan tanda iklan.
- q) Jarak pemasangan tidak kurang 10.0 meter dari bahu jalan utama. Jika papan tanda/iklan berkenaan melebihi 10.0 meter tinggi maka jarak pemasangan hendaklah tidak kurang dari ketinggian papan tanda/ iklan berkenaan.
- r) Tapak pemasangan hendaklah luas, teratur dan kemas.